

# The Observer

26.11.2021

*Surat berita mingguan, The Observer kini tersedia dalam Bahasa Melayu. Versi terjemahan akan dimuat naik pada setiap hari Isnin. Sila layari [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my) untuk maklumat lanjut.*

*Ikuti juga akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia dan kongsikan pendapat anda tentang ciapan kami dari semasa ke semasa.*

- ❖ **Laporan Pemantauan Tadbir Urus Korporat 2021: Terdapat peningkatan menyeluruh dalam pelaksanaan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG)**

Hasil dapatan daripada Laporan Pemantauan Tadbir Urus Korporat 2021 (CG Monitor 2021) menjadi perbualan hangat selepas ia dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 24 November 2021.

Pada tahun 2020, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG) mencatatkan peningkatan yang menyeluruh dalam tahap pelaksanaannya. Daripada 36 amalan terbaik, 24 (2019: 23 amalan terbaik) telah merekodkan tahap pelaksanaan sekurang-kurangnya 90%, iaitu sekurang-kurangnya 90% daripada syarikat tersenarai telah menerima pakai amalan tersebut.

Walau bagaimanapun, penzahiran imbuhan pengurusan kanan dalam lingkungan RM50,000 mengikut turutan nama (Amalan Yang Dipertingkatkan 7.2) terus mencatatkan kadar pelaksanaan yang rendah. Jumlah syarikat tersenarai yang menerima pakai Amalan Yang Dipertingkatkan ini berjumlah 146 syarikat berbanding 122 pada tahun 2019.

Malah terdapat juga tahap pelaksanaan yang lebih rendah, dengan hanya 5% daripada syarikat tersenarai yang melaksanakan amalan ini iaitu amalan yang memerlukan penzahiran sepenuhnya imbuhan terperinci setiap ahli pengurusan kanan dan nama-nama mereka (Amalan Yang Dipertingkatkan 7.3). Pada tahun 2020, hanya sembilan syarikat tersenarai menerima pakai amalan ini.

Terdapat beberapa alasan yang diberikan untuk tidak menerima pakai Amalan Yang Dipertingkatkan ini.

Pertama, syarikat memberikan alasan apabila membuat pendedahan sedemikian boleh menimbulkan rasa cemburu dan iri hati sesama pengurus dalam kategori lima teratas apabila mereka mula membandingkan imbuhan masing-masing. Mereka juga memberikan alasan, mungkin timbul perasaan cemburu dan iri hati jika kakitangan lain (selain yang berada dalam senarai pengurusan lima teratas)

mengetahui imbuhan pengurus dalam kategori lima teratas. Segelintir syarikat tersenarai berpendapat, ini akan mengakibatkan perasaan cemburu dan iri hati yang tidak kondusif kepada persekitaran kerja yang sihat dan harmoni.

Kedua, mereka berpendapat, jika syarikat lain mengetahui imbuhan (atau lingkungan imbuhan, jika didedahkan dalam julat RM50,000), terdapat risiko syarikat lain boleh memancing pekerja yang berbakat dengan menawarkan imbuhan yang lebih tinggi. Kehilangan kakitangan penting sesebuah syarikat boleh menjadikan perniagaan dan langsung tidak mendatangkan manfaat kepada syarikat.

Ketiga, kebimbangan terhadap keselamatan juga dijadikan alasan untuk tidak menzahirkan maklumat tersebut. Pengurusan lima teratas biasanya memperoleh imbuhan yang lebih tinggi daripada pengarah bukan eksekutif dan kakitangan pengurusan lain. Oleh itu, jika imbuhan yang tinggi ini didedahkan kepada umum, keselamatan pengurusan kanan dan keluarga mereka pasti terjejas serta berisiko menjadi sasaran perbuatan jenayah.

Alasan keempat, sesetengah syarikat tersenarai menyatakan bahawa mereka tidak nampak bagaimana pendedahan tersebut boleh menyumbang kepada tadbir urus korporat yang baik.

Pengawal selia telah pun mempertimbangkan sebab dan alasan ini dan merasakan bahawa penzahiran yang dianjurkan akan menyumbang kepada tadbir urus korporat yang baik. Ini adalah kerana ia membolehkan para pemegang saham memainkan peranan aktivisme yang lebih baik, lebih-lebih lagi apabila ia berkaitan imbuhan pengurusan kanan dan bagaimana ia memberi kesan kepada prestasi syarikat.

Tidak hairanlah jika pelaksanaan yang rendah untuk kedua-dua Amalan Yang Dipertingkatkan ini berterusan, ada kemungkinan amalan ini dijadikan sebagai peraturan suatu hari nanti.

#### ❖ **Kesan domino akibat terlepas pembayaran bon kepada harga saham**

Memandangkan bon dan saham ditafsirkan sebagai dua instrumen kewangan yang berbeza, pemegang saham minoriti sering tertanya-tanya mengapakah keingkaran pembayaran bon boleh mencetuskan reaksi negatif terhadap harga saham syarikat tersenarai.

Pokok pangkalnya mudah. Keingkaran terhadap pembayaran bon merupakan petanda kesihatan kewangan yang merosot. Justeru prospek syarikat serta-merta bertukar suram kerana ini mungkin kesan limpahan daripada pendapatan yang rendah, terlalu banyak hutang, jumlah penghutang yang tinggi atau aliran tunai yang negatif.

Malah, akibatnya amat menggerunkan jika kita melihat bagaimana Kumpulan Evergrande China bergelut untuk memenuhi satu demi satu tarikh akhir pembayaran hutangnya bagi mengelakkan keingkaran pembayaran.

Digembar-gemburkan sebagai pemaju yang paling banyak berhutang di dunia, kegagalan Evergrande untuk membayar faedahnya akibat kekurangan tunai boleh

mencetuskan kejatuhan pasaran hartanah China, sekali gus melumpuhkan ekonomi China.

### **KNM terlepas pembayaran bon Thai**

Baru-baru ini, KNM Group Bhd menyatakan yang mereka terlepas pembayaran prinsipal dan kupon ke atas bon yang diterbitkan di Thailand bernilai 2.78 bilion baht (RM352.57 juta) yang matang pada 18 November.

Kumpulan yang terlibat dalam perniagaan peralatan dan perkhidmatan minyak & gas (*oil and gas, O&G*) menyalahkan kejadian ini kepada cabaran dan kelewatan untuk membiayai semula bon Thailand yang disebabkan oleh pandemik Covid-19, serta keadaan operasi anak syarikatnya yang tidak menguntungkan iaitu Impress Ethanol Co Ltd ("IECL") yang mengendalikan loji etanol di Thailand.

Menurut KNM, ia mempunyai tempoh tangguh sehingga 2 Disember untuk membayar jumlah pokok, dan sehingga 9 Disember untuk membayar kupon sebelum tercetusnya kejadian mungkir.

Bon-bon ini dijamin oleh Credit Guarantee and Investment Facility ("CGIF"), sebuah dana amanah yang diuruskan oleh Asian Development Bank.

KNM telah menyuarakan kebimbangan bahawa kejadian keingkaran mungkin akan menjelaskan kemudahan pembiayaannya dan anak syarikatnya sekiranya institusi kewangan masing-masing menggantung kemudahan pembiayaan mereka yang diberikan kepada Kumpulan KNM sementara menunggu penyelesaian kejadian keingkaran.

Seperti yang dijangka, saham KNM merosot dalam dagangan pagi di Bursa Malaysia pada hari berikutnya (19 November). Kaunter dibuka pada 16.5 sen, turun sebanyak 8.33% atau 1.5 sen daripada penutup sebelumnya iaitu 18 sen.

Bagaimanapun, pada penutupan dagangan, KNM berjaya mengurangkan kerugiannya tetapi masih turun satu sen atau 5.56% kepada 17 sen dengan 85.9 juta saham diniagakan.

Kaunter itu merudum hampir 50% daripada paras tertinggi 32.5 sen pada 8 September. Setakat ini, kejatuhan KNM adalah kira-kira 20%.

Bagi memenuhi keperluan kewangannya, KNM pada 22 November mengumumkan cadangan untuk melaksanakan penempatan persendirian berjumlah 334.13 juta saham baharu yang mewakili tidak melebihi 10% daripada saham biasa terbitan syarikat itu. Berdasarkan harga indikatif 16 sen sesaham penempatan, pelaksanaan penempatan itu dijangka menjana sejumlah RM53.46 juta. Hasilnya akan digunakan oleh syarikat dan anak-anak syarikatnya sebagai modal kerja (RM22.16 juta), pembayaran balik pinjaman bank (RM30 juta) dan anggaran perbelanjaan untuk penempatan persendirian (RM1.3 juta).

Mengulas lanjut tentang hasil daripada penempatan itu, KNM menyatakan ia berhasrat untuk menggunakan RM30 juta yang diperoleh untuk membayar balik bayaran kupon dan pinjaman bank. Sehingga 30 September, Kumpulan mempunyai pinjaman bank berjumlah RM1.28 bilion yang terdiri daripada overdraf bank,

penerimaan jurubank, bil-bil yang perlu dibayar, kredit pusingan, pinjaman berjangka, bayaran kupon bagi terbitan bon dan sewa beli.

Bagi suku tahun kedua tahun kewangan 2021 yang berakhir 30 Jun 2021, keuntungan bersih KNM menyusut 5.91% kepada RM10.56 juta (suku tahun kedua tahun kewangan 2020: RM11.22 juta) apabila pendapatan suku tahunannya menyusut 26.14% kepada RM245.98 juta (suku tahun kedua tahun kewangan 2020: RM333.03 juta).

Walau bagaimanapun, bagi tempoh setengah tahun pertama tahun kewangan 2021, keuntungan bersih KNM merosot 72.8% kepada RM8.55 juta (setengah tahun pertama tahun kewangan 2020: RM31.48 juta) manakala pendapatannya menyusut 28.7% kepada RM477.21 juta (setengah tahun pertama tahun kewangan 2020: RM669.59 juta).

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 29 November hingga 3 Disember2021**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
29.11.21 (Isnin) 09.00 pagi	MAG Holdings Bhd (AGM)	Untuk tempoh kewangan 16 bulan berakhir 30 Jun 2021 ("tempoh kewangan berakhir 2021"), MAG mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM10.46 juta dengan pendapatan RM81.54 juta, walaupun operasi perniagaan terganggu akibat pelbagai sekatan.  Perniagaan akuakultur akan menjadi pemacu utama perniagaan Kumpulan. Selain itu, North Cube Farm yang baru diperoleh pada Julai 2021 dijangka menyumbang secara positif kepada prestasi kewangan Kumpulan pada masa hadapan.

29.11.21 (Isnin) 10.00 pagi	Menang Corporation Bhd (AGM)	Kumpulan mencatatkan keuntungan tahunan yang lebih tinggi berjumlah RM14.90 juta berbanding RM8.84 juta pada tahun sebelumnya disebabkan oleh perbelanjaan keseluruhan kumpulan dan kos kewangan yang lebih rendah, masing-masing berjumlah RM4.10 juta dan RM6.25 juta bagi mengimbangi keuntungan kasar kumpulan yang lebih rendah berjumlah RM2.74 juta dan perbelanjaan cukai yang lebih tinggi sebanyak RM2.32 juta.
29.11.21 (Isnin) 10.00 pagi	Karex Bhd (AGM)	Pandemik mengakibatkan Karex mengalami kerugian pada tahun kewangan 2021, buat kali pertama dalam 5 tahun terakhir. Prestasi syarikat dijangka bertambah baik pada tahun kewangan akan datang apabila ekonomi beransur pulih. Keupayaan syarikat untuk menerokai pasaran baharu adalah penting bagi memastikan ia kembali menjana keuntungan pada tahun kewangan 2022.
29.11.21 (Isnin) 10.00 pagi	RGT Bhd (AGM)	Walaupun telah berusaha untuk memperoleh baki 40% pegangan dalam Rapid Growth Technology Sdn Bhd ("RGTSB") sejak 2019, RGT masih belum berjaya menyelesaikan pengambilalihan itu. Pemegang saham perlu menyuarakan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan tentang sebab di sebalik kelewatan itu.
29.11.21 (Isnin) 10.00 pagi	Seacera Group Bhd (AGM)	Walaupun berhadapan pandemik Covid-19, Seacera berjaya mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM4.4 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM2.3 juta),

		<p>sebahagian besaranya disebabkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada perniagaan perdagangan. Walau bagaimanapun, syarikat mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM7.1 juta (tahun kewangan berakhir 2020: RM10.9 juta) disebabkan oleh pelarasan faedah masa hadapan berjumlah RM20.8 juta.</p>
29.11.21 (Isnin) 10.00 pagi	S & F Capital Bhd (dahulunya dikenali sebagai Leweko Resources Bhd) (AGM)	<p>Pendapatan S&amp;F Cap mencatatkan peningkatan 80% kepada RM26.8 juta pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan berakhir 2020: RM14.9 juta) berikutan sumbangan daripada projek yang baru diperoleh di Pulau Pinang dan projek yang sedang dijalankan.</p> <p>Walaupun pendapatan meningkat, syarikat menanggung kerugian sebelum cukai berjumlah RM9 juta pada tahun kewangan 2021. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh rosot nilai sebanyak RM8 juta ke atas penghutang yang diwarisi daripada pengurusan terdahulu.</p>
29.11.21 (Isnin) 02.00 petang	Fintec Global Bhd (AGM)	<p>Salah satu resolusi yang dibentangkan dalam mesyuarat agung tahunan adalah untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk memberikan kuasa kepada pengarah syarikat supaya menerbitkan dan memperuntukkan saham tidak melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan saham terbitan Fintec, menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016.</p>

		<p>Bagaimanapun, syarikat sudah pun menyelesaikan beberapa tindakan untuk mengumpul dana termasuk dua penempatan persendirian dan terbitan hak dalam tempoh dua tahun yang lepas bagi mengumpul dana untuk modal kerja dan pelaburan baharu termasuk perniagaan sarung tangan.</p> <p>Sudah ada kira-kira 5.23 bilion saham terbitan dalam Fintec setakat 4 Oktober 2021.</p>
29.11.21 (Isnin) 03.30 petang	Metronic Global Bhd (AGM)	<p>Walaupun syarikat terlibat dalam pelbagai usaha perniagaan pada masa lalu dan sekarang, Metronic terus mencatatkan kerugian dan mengalami aliran tunai operasi yang negatif.</p> <p>Lembaga dan pengurusan perlu menilai semula perniagaan dan strategi syarikat.</p>
30.11.21 (Selasa) 09.30 pagi	Bonia Corporation Bhd (AGM)	<p>Walaupun berdepan pandemik yang menyebabkan pelbagai sekatan pergerakan, Bonia berjaya mengukuhkan kedudukannya dalam talian apabila lebih ramai pelanggan membeli-belah dalam talian. Syarikat dijangka akan menutup lebih banyak kedai fizikal pada tahun kewangan 2022 dan keupayaan syarikat untuk meningkatkan kehadirannya dalam talian akan menentukan prestasi masa depan pada tahun kewangan 2022.</p>
30.11.21 (Selasa) 10.30 pagi	Inix Technologies Holdings Bhd (AGM)	Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM18.2 juta (tempoh kewangan 18 bulan berakhir 2020: RM8.2 juta) untuk tempoh kewangan 17 bulan

		berakhir 30 Jun 2021, sebahagian besarnya disumbangkan oleh jualan sarung tangan getah. Kerugian selepas cukai Kumpulan berjumlah RM10.6 juta (tempoh kewangan 18 bulan berakhir 2020: Kerugian selepas cukai RM3.3 juta) disebabkan oleh rosot nilai yang besar bagi pelaburan lain, rosot nilai penghutang lain, rosot nilai aset tetap dan hutang lapuk dihapuskira.
01.12.21 (Rabu) 10.00 pagi	Redtone Digital Bhd (AGM)	Redtone merekodkan pendapatan berjumlah RM174.7 juta pada tahun kewangan 2021, dengan penurunan 2% berbanding RM177.9 juta pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai syarikat mencatatkan peningkatan mendadak 113.7% atau RM42.1 juta. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh segmen perkhidmatan rangkaian telekomunikasi terurus ( <i>Managed Telecommunications Network Services, MTNS</i> ). Namun masih terdapat keimbangan tentang penumpuan risiko kredit dalam bentuk baki tertunggak yang disebabkan oleh dua (2020: dua) pelanggan yang mewakili kira-kira 79% (2020: 83%) daripada jumlah penghutang perdagangan. (Halaman 120, Laporan Tahunan)
01.12.21 (Rabu) 10.30 pagi	CME Group Bhd (AGM)	Keuntungan yang diperoleh oleh CME pada tahun kewangan 2021 adalah disebabkan oleh keuntungan nilai saksama daripada harta tanah pelaburan. Tanpa keuntungan daripada penilaian semula, syarikat

		<p>mencatatkan kerugian bagi tahun kewangan 2021. Pada masa yang sama, pendapatan daripada perniagaan terasnya iaitu bidang pembuatan mencatatkan penurunan besar, mengakibatkan kerugian segmen berjumlah RM1.34 juta.</p> <p>Para pemegang saham wajar mengambil berat tentang strategi syarikat untuk mengekalkan prestasi yang positif tanpa bergantung kepada keuntungan sekali sahaja.</p>
02.12.21 (Khamis) 10.00 pagi	Dagang Nexchange Bhd (AGM)	Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM330.5 juta (2019: RM290.49) dan keuntungan selepas cukai berjumlah RM68.6 juta (2019: RM35.5 juta) untuk tempoh 18 bulan dari 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2021. Kumpulan menetapkan semula matlamat dengan menyusun strategi dan pelan hala tuju transformasi yang jelas, terutama melalui inisiatif pelaburan strategik, kecekapan operasi dan pengoptimuman kos untuk menghasilkan prestasi kewangan yang lebih baik pada masa hadapan.
02.12.21 (Khamis) 11.00 pagi	INSAS Berhad (AGM)	Insas menutup tirai tahun kewangan 2021 dengan prestasi kewangan keseluruhan yang membanggakan. Keuntungan sebelum cukai syarikat berjumlah RM257.9 juta, meningkat 10 kali ganda daripada keuntungan sebelum cukai RM25.2 juta yang dilaporkan pada tahun kewangan 2020.

		Prestasi kewangan yang lebih baik didorong oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada perniagaan pemberkeran saham dan teknologi, yang mana salah sebuah syarikat penerima pelaburannya, Inari Amerton Berhad, melaporkan prestasi kewangan yang kukuh.
02.12.21 (Khamis) 03.00 petang	Hong Leong Industries Bhd (AGM)	Hong Leong Industries mencatatkan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM2.63 bilion dan RM472 juta pada tahun kewangan 2021, tidak termasuk operasi yang dihentikan. Pertumbuhan dalam keuntungan sebelum cukai adalah disebabkan oleh rekod jualan yang lebih tinggi merentas semua segmen produk. Syarikat mengisyiharkan dan membayar dividen yang lebih tinggi sebanyak 52 sen sesaham bagi tahun kewangan 2021, berbanding 42 sen sesaham pada tahun kewangan 2020.
03.12.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Supermax Corporation Bhd (AGM)	Supermax mencatatkan keuntungan bersih paling tinggi berjumlah RM3.9 bilion untuk tahun kewangan 2021. Walau bagaimanapun, syarikat terlibat dengan isu buruh paksa di samping pengharaman produknya oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US Customs and Border Protection, US CBP). Syarikat juga menghadapi kejatuhan harga jualan purata dan ini mungkin menjelaskan keuntungan mereka pada tahun kewangan 2022.
03.12.21 (Jumaat) 10.00 pagi	Revenue Group Bhd (AGM)	Pendapatan Syarikat meningkat 11.3% tahun ke

		tahun kepada RM86.28 juta (tahun kewangan 2020: RM77.52 juta). Peningkatan ini disumbangkan oleh pendapatan yang lebih tinggi daripada penyewaan dan penyenggaraan terminal tangkapan draf elektronik ( <i>Electronic Data Capture</i> , EDC) berikutan pertambahan bilangan terminal EDC yang diurus serta pendapatan transaksi elektronik yang lebih tinggi. Sementara itu, keuntungan sebelum cukai meningkat 43.4% tahun ke tahun kepada RM15.46 juta (tahun kewangan 2020: RM10.78 juta) sebahagian besarnya didorong oleh keuntungan kasar dan pendapatan lain yang lebih tinggi namun diimbangi oleh peningkatan dalam perbelanjaan pentadbiran.
03.12.21 (Jumaat) 11.00 pagi	FCW Holdings Bhd (AGM)	Pembangunan harta tanah dan kontrak pembuatan FCW menyaksikan prestasi yang baik dalam tahun kewangan 2021. Untuk tahun kewangan 2022, segmen kontrak pembuatan mungkin menyaksikan prestasi yang lebih baik. Ini disebabkan oleh wujudnya peningkatan dalam kesedaran terhadap amalan kebersihan sewaktu pandemik yang menyebabkan pertambahan permintaan untuk produk penjagaan diri.

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
MAG Holdings Bhd (AGM)	1) Kumpulan mempunyai penumpuan risiko kredit yang ketara daripada jumlah ter hutang oleh dua pelanggan yang mewakili 99% daripada pengutang perdagangan bersih Kumpulan (Nota 29, halaman 117, Laporan Tahunan 2021).

	<p>a) Siapakah dua pelanggan tersebut?</p> <p>b) Adakah lembaga pengarah telah membuat penilaian terhadap risiko penumpuan pelanggan Kumpulan? Jika ya, apakah tindakan yang diambil oleh Lembaga Pengarah untuk mengurangkan risiko penumpuan pelanggan?</p> <p>2) Kerugian rosot nilai terkumpul bagi Penghutang Lain Kumpulan telah meningkat kepada RM2.2 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2021 (tahun kewangan 2020: RM83,000) (Nota 18, Halaman 103, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Sila senaraikan Penghutang Lain yang mengalami kerugian rosot nilai.</p> <p>b) Apakah yang menyebabkan lonjakan dalam kerugian rosot nilai dan apakah yang menyebabkan syarikat terpaksa membuat peruntukan rosot nilai ini?</p> <p>c) Apakah langkah yang diambil oleh Syarikat untuk memastikan kerugian rosot nilai ke atas Penghutang Lain dapat dikekang daripada terus meningkat?</p>
Menang Corporation Bhd (AGM)	<p>Pada 15 Februari 2021, Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk menggantung Dato' Shun Leong Kwong dan Cik Marianna Binti Aly Shun, kedua-duanya pengarah bukan bebas dan bukan eksekutif, daripada menjalankan tugas dan fungsi mereka sebagai pengarah Syarikat berkuat kuasa serta-merta sehingga beroleh penemuan selepas siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan Bebas, (<i>Independent Investigative Committee, IIC</i>).</p> <p>Siasatan ini masih diteruskan sehingga tarikh laporan tahunan (29/10/21). (Halaman 105, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Siapakah yang menganggotai IIC?</p> <p>b) Apakah cabaran yang dihadapi oleh IIC dalam menjalankan penyiasatan dan mengapaakah penyiasatan masih belum diselesaikan selepas tempoh 8 bulan?</p> <p>c) Bilakah IIC dijangka menyelesaikan penyiasatan ini?</p> <p>d) Mengapa Kumpulan bergantung kepada IIC dan tidak menggunakan khidmat firma profesional untuk menjalankan penyiasatan?</p>

Karex Bhd (AGM)	<p>1. Perbelanjaan Lain meningkat dengan ketara kepada RM2.2 juta pada tahun kewangan berakhir 2021 berbanding RM81k pada tahun kewangan berakhir 2020 (halaman 65, Laporan Tahunan 2021). Apakah yang menyebabkan peningkatan yang besar itu?</p> <p>2. Kerugian rosot nilai ke atas penghutang melonjak secara mendadak kepada RM1.2 juta pada tahun kewangan 2021 daripada RM46k pada tahun kewangan 2020. (Halaman 70, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan mendadak dalam rosot nilai?</p> <p>b) Berapakah daripada jumlah rosot nilai ini berjaya dikutip selepas akhir tahun kewangan?</p>
RGT Bhd (AGM)	<p>Rancangan untuk mengambil alih pegangan 40% dalam Rapid Growth Technology Sdn Bhd (“RGTSB”) telah dicetuskan pada Ogos 2019, apabila RGT mencadangkan untuk mengambil alih pegangan itu pada harga RM48 juta. Walau bagaimanapun, cadangan ini telah ditarik balik secara sukarela pada Februari 2020.</p> <p>Tidak lama kemudian, pada September 2020, RGT telah menandatangani perjanjian penjualan saham tambahan (<i>Supplemental Share Sale Agreement, Supplemental SSA</i>) dengan vendor yang sama untuk memperoleh pegangan yang sama pada harga RM124.8 juta. Bagaimanapun, pada 30 Jun 2021, cadangan ini sekali lagi ditarik balik kerana syarat terdahulu SSA, termasuk SSA Tambahan, tidak dipenuhi sebelum 30 Jun 2021.</p> <p>Seterusnya pada September 2021, RGT mengumumkan satu lagi cadangan untuk memperoleh pegangan yang sama dalam RGTSB pada harga RM85.60 juta selepas mengubah syarat-syarat terdahulu. Pengambilalihan ini akan dipenuhi sepenuhnya melalui terbitan 267.5 juta saham RGT baharu pada harga 32 sen setiap satu.</p> <p>a) Mengapakah RGT tidak berjaya menyelesaikan pemerolehan selepas dua tahun? Apakah faktor yang menghalang usaha RGT daripada melaksanakan pemerolehan ini?</p> <p>b) Merujuk kepada cadangan terbaru yang diumumkan pada September 2021, apakah syarat utama yang telah disemak dan dipinda?</p>

	<p>c) Berbeza daripada cadangan yang diumumkan pada September 2020, cadangan yang diumumkan pada September 2021 adalah tanpa jaminan keuntungan.</p> <p>Mengapakah RGT tidak memasukkan jaminan keuntungan ke dalam cadangan itu?</p> <p>d) Adakah kelewatan dalam menyelesaikan pemerolehan ini menjelaskan perniagaan RGT? Jika ya, sejauh manakah pengaruhnya terhadap perniagaan RGT?</p>
Seacera Group Bhd (AGM)	<p>Jumlah yuran untuk fungsi audit dalaman Syarikat pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2021 ialah RM7,970.00 (Halaman 30, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Melihat yurannya yang murah (kira-kira RM664 sebulan), bagaimanakah jawatankuasa audit menjamin keberkesanan fungsi audit dan memastikan terdapat perlindungan yang mencukupi? Apakah bidang yang diliputi oleh fungsi audit dalaman? Berapakah jumlah laporan audit dalaman yang dikeluarkan sepanjang tempoh tersebut?</p>
S & F Capital Bhd (AGM)	<p>Terdapat kerugian rosot nilai ke atas penghutang lain berjumlah RM8,021,675 (tahun kewangan 2020: Tiada) (Halaman 48, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah butiran penghutang lain yang dirosot nilai?</p> <p>b) Adakah jumlah ini boleh dipulihkan? Jika ya, apakah jangkaan jumlah yang boleh dipulihkan dalam tahun kewangan 2022?</p> <p>c) Adakah mana-mana daripada penghutang yang terjejas ini telah dipulihkan sehingga kini?</p>
Fintec Global Bhd (AGM)	<p><b>Kerugian rosot nilai ke atas:</b></p> <p>a) Jumlah terhutang daripada anak syarikat Dalam tempoh kewangan berakhir 2021, Fintec mengenakan rosot nilai berjumlah RM67.74 juta (tahun kewangan 2020: tiada) ke atas jumlah terhutang daripada anak-anak syarikat di peringkat syarikat, sekali gus meningkatkan rosot nilai terkumpul berjumlah RM200.13 juta (Nota 17 - Amaun terhutang daripada/ kepada anak syarikat, halaman 94, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Apakah tujuan Syarikat mengenakan rosot nilai ini? Apakah rasional Syarikat sewaktu memberikan pendahuluan bukan perdagangan, tidak bercagar dan tanpa faedah ini kepada anak syarikat?</p>

	<p>b) Pelaburan dalam saham tidak disebut harga</p> <p>Dalam tempoh kewangan berakhir 2021, Fintec mengenakan rosot nilai sebanyak RM4.86 juta ke atas pelaburan baharu yang bernilai RM15.63 juta dalam saham tidak disebut harga (Nota 18 - Pelaburan dalam saham tidak disebut harga, halaman 94, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Mengapakah rosot nilai dibuat sejurus selepas Fintec melabur dalam saham yang tidak disebut harga ini? Apakah nama entiti tidak tersenarai yang menjadi tempat Fintec membuat pelaburan?</p>
Metronic Global Bhd (AGM)	<p>Resolusi Biasa 12 daripada Notis Mesyuarat Agung Tahunan bertarikh 29 Oktober 2021 bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham untuk memberikan kuasa kepada pengarah syarikat untuk menerbitkan dan memperuntukkan saham tidak melebihi 10% daripada jumlah keseluruhan saham terbitan Metronic secara am menurut Seksyen 75 dan 76 Akta Syarikat 2016.</p> <p>Dalam tempoh dua tahun yang lalu, Metronic telah melaksanakan beberapa urusan pengumpulan dana untuk tujuan modal kerja dan pelaburan baharu termasuk perniagaan sarung tangan.</p> <p>Urusan pengumpulan dana ini adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Dua penempatan persendirian masing-masing diselesaikan pada Mac 2021 dan September 2021 dengan kedua-dua terbitan menghasilkan sehingga 30% daripada jumlah bilangan saham terbitan Metronic. Penempatan persendirian ini telah diselesaikan pada harga tawaran 8.13 sen dan 4.25 sen sesaham dan Syarikat memperoleh kira-kira RM51.65 juta (Halaman 17, Laporan Tahunan 2021)</li> </ul> <p>Syarikat juga telah melaksanakan program Skim Opsyen Saham Pekerja (<i>Employee Share Option Scheme, ESOS</i>) untuk tempoh 5 + 5 tahun sehingga 15% daripada jumlah bilangan saham terbitannya pada April 2021.</p> <p>Pada 30 September 2021, terdapat kira-kira 2.17 bilion saham terbitan dalam Metronic berbanding kira-kira 1.245 bilion saham pada 30 September 2020.</p> <p>a) Adakah Metronic akan menggunakan mandat untuk menerbitkan saham baharu pada tahun kewangan 2022?</p>

	b) Bilakah Metronic dapat berdikari dan mampu menggunakan dana sendiri untuk membiayai modal kerja dan perniagaan baharunya, tanpa bergantung pada penerbitan ekuiti?
Bonia Corporation Bhd (AGM)	<p>E-dagang menyumbang 7.2% (tahun kewangan berakhir 2020: 2.2%) kepada jumlah pendapatan runcit Kumpulan sebanyak RM287.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 2021. Syarikat mengiktiraf platform e-dagang sebagai segmen perniagaan yang penting dan akan terus menumpukan usaha kepada strategi pemasaran digital bagi meningkatkan pertumbuhan pendapatan daripada e-dagang.</p> <p>a) Berapakah pelaburan yang dibelanjakan untuk membangunkan perniagaan e-dagang pada tahun kewangan berakhir 2021 berbanding tahun kewangan berakhir 2020?</p> <p>b) Apakah rancangan Syarikat untuk mengembangkan lagi perniagaan e-dagangnya pada tahun kewangan berakhir 2022?</p>
Inix Technologies Holdings Bhd (AGM)	<p>1) Di bawah pelaksanaan Skim Terbitan Saham Pekerja Syarikat, sejumlah kira-kira 49.3 juta opsyen telah diberikan kepada Tan Mei Teng pada 16 Julai 2020 dan 20 Oktober 2020 (halaman 54, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah hubungan Tan Mei Teng dengan Syarikat (atau pengarah)? Apakah jawatan beliau dalam Syarikat?</p> <p>b) 21.6 juta lagi opsyen turut diberikan dan dilaksanakan pada 24 November 2020 (halaman 54, Laporan Tahunan 2021). Kepada siapakah opsyen ini diberikan? Apakah hubungan mereka dengan Syarikat (atau pengarah) dan jawatan mereka dalam Syarikat?</p> <p>2) Bagi tempoh kewangan 17 bulan dalam tinjauan (1 Februari 2020 hingga 30 Jun 2021, jumlah kos yang ditanggung oleh Kumpulan untuk fungsi audit dalaman ialah RM4,000 (2020: RM6,000) (halaman 46, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan penurunan yuran audit dalaman?</p> <p>b) Melihat yurannya yang murah (kira-kira RM235.29 sebulan), bagaimanakah jawatankuasa audit menjamin keberkesanan fungsi audit dan</p>

	<p>memastikan terdapat perlindungan yang mencukupi?</p>
Redtone Digital Bhd (AGM)	<p>Perbelanjaan Am dan Pentadbiran bagi tahun kewangan 2021 berjumlah RM39.4 juta (tahun kewangan 2020: RM30.8 juta) dan sebahagian besarnya terdiri daripada kos kakitangan, susut nilai dan pelunasan serta perbelanjaan am dan pentadbiran. (Halaman 16, Laporan Tahunan)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam perbelanjaan am dan pentadbiran sedangkan pendapatan Kumpulan mencatatkan penurunan 2%?</p>
CME Group Bhd (AGM)	<p>Untuk tahun kewangan 2021, CME melaporkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.63 juta (tahun kewangan 2020: RM0.89 juta), yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh keuntungan nilai saksama ke atas hartanah pelaburan berjumlah RM2.4 juta. Jika ditolak keuntungan daripada penilaian semula ini, CME mengalami kerugian untuk tahun kewangan 2021.</p> <p>Di samping itu, pendapatan daripada perniagaan teras CME dalam segmen pembuatan mencatatkan penurunan ketara sebanyak 92% kepada RM2.04 juta (kira-kira 50% daripada pendapatan bagi tahun kewangan 2021) daripada RM25.8 juta pada tahun sebelumnya, mengakibatkan kerugian segmen berjumlah RM1.34 juta (tahun kewangan 2020: keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.3 juta).</p> <p>Sementara itu, segmen Perdagangan merupakan satu-satunya segmen perniagaan yang menjana keuntungan dengan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.7 juta.</p> <p>a) Dengan prestasi perniagaan teras yang lemah, adakah Kumpulan dapat mengekalkan keuntungannya pada masa hadapan, tanpa bergantung pada keuntungan sekali sahaja?</p> <p>b) Seiring pelantikan ketua pegawai eksekutif baharu dan ketua pegawai operasi baharu, apakah rancangan Kumpulan untuk meningkatkan prospek dan prestasi perniagaan CME?</p>
Dagang Nexchange Bhd (AGM)	<p>Yuran bukan audit melonjak dengan ketara kepada RM603,000 (2019: RM115,000) (Nota 27, halaman 219, Laporan Tahunan 2021) dan adalah kira-kira 113% lebih tinggi berbanding yuran audit Kumpulan yang berjumlah RM533,000 untuk tempoh kewangan berakhir 2021.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan ketara dalam yuran bukan audit?</p>

	<p>b) Adakah Syarikat mempunyai dasar berkenaan peratusan yuran bukan audit berbanding yuran audit yang dibayar kepada juruaudit luarnya?</p>
INSAS Berhad (AGM)	<p>Merujuk laporan Tadbir Urus Korporat (CG) Syarikat mengenai pelaksanaan Amalan di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG), sila berikan penjelasan tentang perkara berikut:</p> <p><b>Amalan 4.2:</b> Tempoh jawatan seorang pengarah bebas tidak melebihi had tempoh kumulatif sembilan tahun. Selepas tamat tempoh sembilan tahun, pengarah bebas boleh terus berkhidmat dalam lembaga pengarah sebagai pengarah bukan bebas.</p> <p>Sekiranya lembaga pengarah berhasrat untuk mengekalkan seorang pengarah bebas melebihi sembilan tahun, ia perlu memberikan alasan yang wajar serta mendapatkan kelulusan pemegang saham dalam mesyuarat agung tahunan. Jika lembaga pengarah ingin terus mengekalkan seorang pengarah bebas selepas tahun kedua belas, lembaga perlu mendapatkan kelulusan pemegang saham dalam mesyuarat agung tahunan melalui proses pengundian dua peringkat.</p> <p><b>Maklum balas daripada Insas:</b> Tidak mematuhi Amalan. Lembaga Pengarah mengesyorkan supaya Resolusi Biasa untuk mengekalkan Tengku Aishah diundi melalui proses pengundian biasa iaitu proses pengundian satu peringkat. Terdapat hanya satu kelas saham biasa dalam Syarikat dan hak pemegangnya, termasuk hak untuk mengundi, seharusnya bertaraf pari passu. Setiap pemegang saham perlu melaksanakan hak mereka untuk mengundi pada platform atau tahap yang sama dan setiap saham biasa berhak mendapat satu undi.</p> <p><b>Komen MSWG:</b> Merujuk Soalan Lazim mengenai MCCG yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 26 April 2017, dengan semakan pada 30 April 2021, dinyatakan bahawa proses pengundian dua peringkat adalah konsisten dengan hak dan kuasa yang terikat kepada saham seperti yang diperuntukkan dalam Akta Syarikat 2016. Dalam melaksanakan undian di bawah proses pengundian dua peringkat, setiap pemegang saham hanya mempunyai satu undi untuk setiap saham yang dipegang.</p> <p>Oleh itu, pengekalan Tengku Aishah sebagai pengarah bebas bukan eksekutif melebihi 12 tahun perlu dibentangkan melalui proses pengundian dua peringkat</p>

	seperti yang dinyatakan dalam MCCG. Lebih-lebih lagi apabila mengambil kira bahawa Tengku Aishah telah memegang jawatan pengurus Insas Berhad sejak 1986.
Hong Leong Industries Bhd (AGM)	<p>Kumpulan Guocera Holdings Sdn Bhd mengalih strategi mereka daripada seramik kepada memberi tumpuan terhadap segmen pasaran pertengahan hingga pasaran mewah untuk jubin porselin, terutama yang mempunyai ciri produk tersendiri dan jualan berdasarkan konsep. Pelan segera dan jangka panjang adalah untuk meluaskan dan memperdalam penembusan pasaran untuk saluran domestik dan antarabangsa. (halaman 19, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Selain pasaran antarabangsa utama seperti Vietnam, Thailand, Singapura dan Australia di mana jenama Guocera dikenali ramai, apakah rancangan Kumpulan untuk menembusi pasaran antarabangsa baharu? Apakah pasaran antarabangsa baharu lain yang disasarkan untuk ditembusi oleh Kumpulan?</p>
Supermax Corporation Bhd (AGM)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbelanjaan Operasi Lain meningkat dengan ketara kepada RM365.1 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM267.6 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 49, Laporan Tahunan 2021)           <p>Apakah yang menyebabkan kenaikan yang ketara ini?</p> </li> <li>2. Rosot nilai ke atas penghutang perdagangan meningkat secara mendadak kepada RM11.7 juta pada tahun kewangan 2021 berbanding RM2.1 juta pada tahun kewangan 2020. (Halaman 52, Laporan Tahunan 2021)           <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Apakah yang menyebabkan lonjakan ketara dalam rosot nilai?</li> <li>b) Berapakah daripada jumlah rosot nilai ini telah berjaya dikutip selepas akhir tahun kewangan?</li> </ol> </li> </ol>
Revenue Group Bhd (AGM)	<p>Kumpulan kini sedang bekerjasama dengan bank rakan kongsinya untuk membangunkan, menguji dan mendapatkan pensijilan untuk terminal pembayaran digital baharu, yang akan dilancarkan dan digunakan dalam pasaran pada pelbagai peringkat (halaman 30, Laporan Tahunan 2021).</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Bilakah tarikh sasaran Kumpulan untuk melancarkan terminal pembayaran digital baharu?</li> <li>b) Apakah kesan kos terminal pembayaran digital baharu ini kepada margin keuntungan Kumpulan?</li> </ol>

FCW Holdings Bhd (AGM)	<p>Pendapatan daripada segmen pembuatan kontrak yang melibatkan produk penjagaan diri meningkat daripada RM21.1 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM26.1 juta pada tahun kewangan 2021 berikutan peningkatan kesedaran dalam kalangan pengguna tentang kebersihan sewaktu pandemik. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Syarikat untuk meningkatkan jualannya sewaktu pandemik bagi memanfaatkan kesedaran yang tinggi tentang kebersihan dalam kalangan pengguna?</p> <p>b) Apakah pasaran eksport yang berpotensi yang ingin diceburi oleh Syarikat untuk memasarkan produk penjagaan diri pada tahun kewangan berakhir 2022?</p>
---------------------------	--

## PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Linnert Hoo, Ketua, Penyelidikan & Pembangunan, ([linnert.hoo@mswg.org.my](mailto:linnert.hoo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))

Rita Foo, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Nor Khalidah Mohd Khalil, Eksekutif, Pemantauan Korporat, ([khalidah@mswg.org.my](mailto:khalidah@mswg.org.my))

---

## PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

## PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggar sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

*MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.*

*MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*